

<b>Headline</b>	<b>FRIM bangun teknologi rawatan kayu getah bebas bahan kimia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>New Sabah Times Bahasa (KK)</b>		
<b>Date</b>	<b>09 Jun 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Semasa</b>	<b>Circulation</b>	<b>23,655</b>
<b>Page No</b>	<b>11</b>	<b>Readership</b>	
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>156 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 312</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 936</b>



# FRIM bangun teknologi rawatan kayu getah bebas bahan kimia

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menemui teknologi baru dalam merawat kayu tanpa menggunakan bahan kimia melalui Sistem Pengeringan Suhu Tinggi (HTD).

Menurut FRIM, teknologi tersebut dapat menyelesaikan masalah industri kayu negara terutama pengeluar perabot berasaskan kayu getah yang berdepan dengan syarat perdagangan ketat untuk memastikan penggunaan produk mesra alam.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, "Sistem HTD ini berpotensi

menjadikan Malaysia antara negara pertama di dunia menawarkan kayu terawat yang selamat dan mesra alam".

Dalam satu kenyataan, beliau berkata FRIM memperolehi paten sistem HTD dari pejabat Paten dan Cap Dagang Amerika Syarikat (USPTO) Mac lalu dan telah memfaillkan paten itu di Malaysia dan enam buah negara lain iaitu Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, China dan India.

Menerusi kaedah itu, kayu getah akan dikering-tanur sebelum digunakan dalam pembuatan perabot atau kompo-

ninya bagi memastikan dimensi kayu yang stabil sebelum digunakan dalam pembuatan produk hiliran.

Menurut Abd Latif, sistem HTD telah ditambahbaik sejak 10 tahun lalu oleh penyelidik FRIM, Dr Sik Huei Shing dan Choo Kheng Ten yang memulakan projek tersebut sebagai respon kepada langkah Kesatuan Eropah untuk melabel jenis bahan kimia rawatan kayu terutamanya Borates dalam kategori 'Repro Toksik' di bawah Arahan Bahan Berbahaya 67/548.

Beliau berkata sistem HTD bukan sahaja dapat menghapuskan penggunaan bahan pengawet dan menjimatkan masa kitaran pemprosesan sehingga lebih 75 peratus, malah kualiti kayu getah yang dirawat melalui sistem itu mempunyai kestabilan dimensi lebih tinggi berbanding kayu yang dirawat secara konvensional.

Sistem ini boleh juga digunakan untuk merawat spesies kayu lain.

"Teknologi ini telah mendapat banyak perhatian. Kami telah menerima banyak pertanyaan terutamanya dari negara-negara pengeluar kayu getah utama lain seperti China, Thailand dan India," kata Abd Latif.

Lebih 80 peratus daripada eksport perabot Malaysia diperbuat daripada kayu getah yang merangkumi hampir separuh daripada kayu-kayan yang digunakan dalam pembuatan perabot di Asia. - Bernama